

KOLEJ VOKASIONAL KLUANG

UJIAN

PENGAJIAN ISLAM MPU 2312

MASA : 30 MINIT

NAMA : _____

PROGRAM : _____

Bahagian A

(10 MARKAH)

Jawab SEMUA soalan.

Soalan 1 hingga 10 adalah soalan objektif **aneka pilihan**. Pilih dan tandakan jawapan yang betul.

1 Allah SWT telah memilih sebagai khalifah di bumi.

- A Malaikat
- B Jin
- C manusia
- D haiwan

2 Manusia perlu kepada agama Islam agar :

- i Menghindari kejahatan
- ii Melakukan kebaikan
- iii Membuang dunia
- iv Berjiwa tenang

- A i, ii dan iii
- B i, ii dan iv
- C ii, iii dan iv
- D i, iii dan iv

- 3 Mengabdikan diri kepada Allah SWT adalah merupakan salah satu matlamat penciptaan manusia oleh Allah SWT. Manakah antara berikut merupakan cara untuk menghasilkan pengabdian diri kepada Allah SWT.
- A Menghayati keindahan alam semesta.
 - B Memupuk rasa cinta kepada Allah SWT
 - C Merasa kagum dengan kehebatan diri
 - D Menyibukkan diri dengan urusan duniawi
- 4 Manakah antara berikut adalah hamba Allah yang sebenar?
- i Pelajar yang bersolat kerana kehadirannya diambil
 - ii Pelajar yang rasa bersalah jika meninggalkan solat
 - iii Pekerja yang mengakui setiap rezeki yang diperolehi adalah dari Allah
 - iv Pelajar yang bersungguh belajar atas dasar tanggungjawab
- A i, ii dan iii
 - B i, iii dan iv
 - C ii, iii dan iv
 - D i, iii dan iv
- 5 Al Quran adalah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada
- A Nabi Isa
 - B Nabi Daud
 - C Nabi Musa
 - D Nabi Muhammad
- 6 Penurunan ayat al-Quran dari langit dunia kepada Nabi Muhammad SAW adalah secara berperingkat-peringkat. Mengapa keadaan ini berlaku?
- A Penurunan ayat-ayat al-Quran tersebut adalah mengikut keperluan ayat dan persoalan semasa.
 - B Bagi memudahkan para sahabat menghafaz ayat-ayat yang diturunkan.
 - C Untuk memberi kesenangan kepada para penulis wahyu menulis ayat-ayat tersebut.
 - D Untuk menghasilkan rasa rindu para sahabat kepada penurunan ayat-ayat baru.

- 7 Pada masa kini muncul satu fenomena dalam kalangan umat Islam yang keliru antara perkara yang disuruh agama dan perkara yang dilarang agama. Keadaan ini menyebabkan perkara yang benar dikatakan salah dan salah dikatakan benar. Apakah langkah yang sepatutnya diambil apabila berhadapan dengan situasi ini?
- A Berdiam sahaja untuk mengelakkan perbalahan
 - B Bertanya kepada rakan-rakan yang baik akhlaknya
 - C Merujuk kepada penceramah popular yang diminati oleh para pelajar
 - D Merujuk guru yang menjadikan al-Quran dan hadis sebagai rujukan
- 8 Al-Quran adalah mukjizat atau perkara luar biasa yang menjadi bukti kebenaran Nabi Muhammad SAW sebagai rasul utusan Allah SWT.

Firman Allah SWT yang bermaksud :

“ dan mereka bertanya kepadamu tentang Zulkarnain, katakanlah; akan aku bacakan kepadamu kisahnya. Sesungguhnya kami telah memberikan kedudukan kepadanya di bumi dan kami telah memberikan jalan kepadanya untuk mencapai setiap sesuatu.”

Al Kahfi : 83-84

Ayat di atas adalah bukti luar biasanya al-Quran kerana :

- A Ia menceritakan tentang perkara ghaib
 - B Ia memaklumkan perkara yang akan berlaku
 - C Ia mengkhabarkan tentang peristiwa di zaman silam
 - D Ia mengandungi ilmu-ilmu yang hanya dapat dikesan oleh sains moden
- 9 Mengapa agama Islam dikatakan sebagai agama rabbani?
- A Agama yang mengingatkan manusia kepada tuhan
 - B Agama yang membawa berita gembira dan juga ancaman
 - C Peraturan di dalam ajaran Islam semuanya daripada Allah SWT
 - D Islam mengajar manusia untuk menyembah Allah tuhan yang satu

- 10 Terdapat orang Islam yang meninggalkan solat fardu dan tidak berpuasa di bulan Ramadan. Mengapakah perkara ini berlaku?
- A Tidak mampu untuk melakukannya
 - B Kecuaian dan kelalaian orang itu sendiri
 - C Tiada masa dan kemudahan untuk melakukannya
 - D Kesibukan mencari rezeki dan keadaan yang tidak mengizinkan

BAHAGIAN B

(5 MARKAH)

Jawab **SEMUA** soalan di ruangan yang disediakan.

Soalan 11 hingga 15: Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 11 Jumlah surah di dalam Al Quran berjumlah 114 dan bilangan ayatnya melebihi _____ ayat.
(1 markah)
- 12 Segala yang dipindahkan daripada Nabi Muhammad SAW baik merupakan perkataan, perbuatan ataupun taqirir sebelum Nabi Muhammad SAW dilantik menjadi rasul mahupun sesudahnya dikenali sebagai _____
(1 markah)
- 13 Muawiyah bin Abi Sufian adalah salah seorang sahabat nabi SAW yang menjadi _____ Al Quran.
(1 markah)
- 14 Susunan surah yang bermula dengan Al Fatihah dan berakhir dengan An Nas adalah menurut apa yang diajarkan oleh _____ kepada Nabi Muhammad SAW.
(1 markah)
- 15 Khalifah Umawi yang ke 8 iaitu _____ telah mengeluarkan arahan rasmi bagi membukukan hadis secara besar-besaran.
(1 markah)